

07 APR 1996

Galeri - Buka

GALERIA PERDANA DIBUKA KEPADA ORANG RAMAI

LANGKAWI, 7 April (Bernama) -- Galeria Perdana yang menempatkan lebih 10,000 hadiah dan cenderahati milik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini dibuka kepada orang ramai.

Galeri itu yang terletak di Kilim, kira-kira 10 kilometer dari bandar Kuah mula menerima kunjungan orang ramai pada Isnin lepas.

Ia dibuka setiap hari kecuali Isnin mulai pukul 10 pagi hingga 5 petang dan pengunjung dikenakan bayaran masuk RM2 bagi dewasa dan RM1 untuk kanak-kanak bawah 12 tahun.

Galeri itu yang dibina di atas tapak seluas kira-kira 5,300 meter persegi dengan kos RM16 juta telah dirasmikan oleh Dr Mahathir pada 3 Dis lepas dan kini diuruskan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Pengurus Besar Lada Datuk Halil Mutalib berkata koleksi hadiah dan cenderahati itu merangkumi yang diterima Perdana Menteri dari negara luar.

Menurut beliau Dr Mahathir menganggap semua pemberian itu milik Kerajaan dan rakyat Malaysia dan seharusnya ia menjadi tatapan semua orang.

"Galeri ini adalah sebagai merakamkan penghargaan serta terima kasih beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali kepada semua lapisan masyarakat yang telah memberi pelbagai hadiah," katanya pada persidangan akhbar di sini.

Bagaimanapun setakat ini kira-kira 4,500 sahaja bahan pameran yang sudah ditempatkan di galeri itu sementara yang selebihnya dijangka mengisi bangunan berkenaan tidak lama lagi.

Halil berkata galeri itu dibahagikan kepada dua blok dengan Blok A mempamerkan koleksi hadiah yang diperbuat daripada kayu, kulit, kaca, kristal, peralatan muzik serta pemberian yang diperbuat daripada pelbagai jenis bata.

Antara yang dijangka menjadi tarikan ialah sebuah basikal yang dibuat sepenuhnya daripada kayu kecuali rantainya yang dihadiahkan oleh penuntut Sekolah Vokasional Muadzam.

Halil berkata aras pertama blok itu menempatkan koleksi daripada seramik serta koleksi kesenian Islam, senjata, replika dan tekstil.

"Blok B pula mempamerkan koleksi daripada pelbagai logam dan bintang-bintang kebesaran serta anugerah dari dalam dan luar negara manakala di aras pertamanya, pengunjung akan melihat himpunan hadiah yang diterima Dr Siti Hasmah," katanya.

Beliau berkata ruang bawah antara Blok A dan B pula menempatkan 11 buah pelbagai jenis kenderaan yang turut dihadiahkan kepada Dr Mahathir sejak beliau menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata galeri itu diharap menjadi satu lagi daya tarikan pelancong ke pulau peranginan bebas cukai ini. -- BERNAMA

ZAA CR